

TARIKH	21 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	23	RUANGAN	Ekonomi

Tabung Haji muktamad beli harta tanah di London

LEMBAGA Tabung Haji (Tabung Haji) dijangka memuktamadkan rundingan bagi pembelian harta tanah di bandar raya London menjelang September ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail, berkata harta tanah yang akan dibeli itu sudah pun dikenal pasti setelah membuat tinjauan sejak 2008.

"Harta tanah di UK semangnya sudah lama berada dalam perhatian kami. Namun begitu, kami amat berhati-hati dalam membuat pembelian kerana setiap aset yang dibeli Tabung Haji mesti mematuhi syariah, justeru kami sedikit perlahan berbanding agensi pelaburan lain.

"Harta tanah yang akan dibelinya itu, kini dihuni oleh barisan penyewa yang menjalankan aktiviti perniagaan yang tidak bertentangan dengan syarak," katanya selepas menerima Pensijilan ISO daripada DQS dan SIRIM QAS International Sdn Bhd bagi Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) dan bagi Pengurusan Perkhidmatan dan Operasi Haji di Malaysia dan Arab Saudi di Kuala Lumpur semalam.

Pensijilan itu disampaikan

kepada Ismee oleh Pengarah Urusan Kumpulan DQS Michael Drechsel dan Pengarah Urusan SIRIM QAS, Khalidah Mistafa.

Mengenai usaha mengembangkan skop pelaburan Tabung Haji ke United Kingdom menerusi pembelian harta tanah di London, beliau berkata, ia adalah untuk merebut peluang bidang yang menjanjikan pulangan lumayan dan pendapatan tetap.

Langkah itu sekali gus mampu memberikan kadar pulangan masa depan yang lebih baik serta konsisten kepada pendeposit.

Tabung Haji kini memiliki 6.9 juta pendeposit dengan jumlah tabungan RM31.7 bilion setakat tahun lalu.

Mengenai penganugerahan sijil ISO bagi ISMS, Ismee berkata, ia adalah usaha berterusan Tabung Haji untuk menjaga kepentingan pendeposit dan nilai perkhidmatan yang diberikan kepada mereka melalui sistem keselamatan maklumat yang terbaik.

"Tabung Haji beroperasi sebagai sebuah institusi kewangan dan disebabkan itu kita turut memberi penekanan terhadap keselamatan maklumat data pendeposit," katanya.